

Headline	Mohon kebenaran kerajaan negeri		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	10 Oct 2018	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	19	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	413 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,893
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,679



# Mohon kebenaran kerajaan negeri

## *Empat tapak warisan dicadangkan untuk diiktiraf Unesco*

GEORGETOWN

**K**ementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan sedang berusaha mendapatkan persetujuan daripada beberapa kerajaan negeri sebelum empat lagi tapak warisan di Malaysia boleh diiktiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) sebagai tapak warisan dunia.

Timbalan menterinya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik berkata empat tapak berkenaan ialah Taman Negara, Royal Belum di Gerik, Perak, Permatang Kuarza di Gombak, Selangor, dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Menurut beliau, keempat-empat tapak warisan ini telah dimasukkan ke dalam senarai tidak rasmi Unesco sementara menunggu persetujuan daripada kerajaan negeri yang berkenaan.

"Setakat ini kami berdepan cabaran mendapatkan persetujuan daripada Kerajaan Pahang, Kelantan dan Terengganu bagi tapak Taman Negara sejak 10 tahun lepas, tetapi bagi tiga tapak lagi, tiada sebarang masalah.

"Saya harap ketiga-tiga negeri ini dapat memberi persetujuan segera supaya kami dapat memanjangkannya kepada Unesco," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Arkeologi Kebangsaan di sini, semalam.

Muhammad Bakhtiar berkata ia bertujuan untuk mengisytiharkan tapak berkenaan, yang mempunyai nilai sejarah dan warisan, sebagai Tapak Warisan Dunia Unesco, daam usaha melindungi biokepelbagaian serta keunikannya.



MUHAMMAD BAKHTIAR

Menurutnya kementerian menerusi Jabatan Warisan Negara turut berganding bahu bersama agensi dan universiti dengan mengadakan penyelidikan untuk mengenal pasti kawasan yang boleh dijadikan tapak warisan negara sebelum dikemukakan kepada Unesco dan diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Dunia Unesco.

Pada masa ini, empat tapak di Malaysia diiktiraf oleh Unesco sebagai Tapak Warisan Dunia termasuk George Town/Melaka, Lembah Lenggong, Taman Kinabalu

Headline	Mohon kebenaran kerajaan negeri		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	10 Oct 2018	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	19	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	413 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,893
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,679



Royal Belum yang terletak di Gerik, antara lokasi yang dicadangkan kepada Unesco.

dan Gunung Mulu di Sarawak.

Bagaimanapun, Muhammad Bakhtiar yang juga Anggota Parlimen Balik Pulau berkata kementeriannya dalam usaha mengenal pasti lebih banyak tapak warisan negara, termasuk Masjid Kapitan Keling dan Penang Free School di Pulau Pinang.

Sebagai rekod, Malaysia kini mempunyai 965 tapak arkeologi dengan 822 tapak berada di daratan manakala

143 tapak lagi di dasar laut.

"Sejumlah 13 tapak telah diwartakan sebagai Tapak Warisan Negara dan lapan lagi sebagai tapak warisan di bawah Jabatan Warisan Negara," katanya.

Mengenai Gua Kepah di Kepala Batas, lokasi penemuan rangka manusia pra sejarah yang dianggarkan berusia sekurang-kurangnya 5,000 tahun, Bakhtiar berkata tapak itu sebenarnya sebahagian daripada Lembah Bujang di

*info*

**Empat tapak warisan dicadangkan ialah Taman Negara, Royal Belum, Permatang Kuarza dan FRIM**

Kedah dan kementeriannya bekerjasama dengan kerajaan negeri terbabit untuk mewujudkan sebuah kompleks arkeologi di Sungai Batu.

"Gua Kepah ini sebenarnya sebahagian daripada Lembah Bujang merentasi dari Kedah ke Cerok Tokun di Pulau Pinang meliputi kawasan seluas 224 kilometer dan kompleks arkeologi ini akan mempamer serta menceritakan tentang penemuan di Gua Kepah itu selepas ia diwartakan sebagai Tapak Warisan Negara," katanya.

Lembah Bujang dalam daerah Merbok di Kedah mempunyai tapak arkeologi terkaya di Malaysia, dengan menempatkan lebih 50 candi purba. - Bemama